

Bahasa Melayu: Penyumbang Ke Arah  
Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Oleh:

Rajendran Nagappan, Ph.D. (Michigan State)  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
*E-mail: nsrajendran@upsi.edu.my*

Abstrak:

Perkembangan bahasa dan pemikiran seseorang mempunyai perkaitan yang rapat. Terdapat ahli psikologi mencadangkan supaya seseorang harus diajar kemahiran berfikir sebelum ia diajar kemahiran-kemahiran bahasa. Terdapat juga ahli psikologi dan pembelajaran yang mencadangkan supaya proses berfikir seseorang harus diperkembangkan semasa label bahasa yang mewakili konsep-konsep tertentu diperkenalkan. Walaupun debat ini masih berterusan, kedua-dua pihak bersetuju bahawa bahasa memainkan peranan yang penting dalam memperkembangkan proses berfikir seseorang. Sehubungan ini, bahasa Melayu (bM) sebagai bahasa keempat terbanyak penuturnya di dunia mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan penuturnya menguasai kemahiran berfikir, lebih-lebih lagi kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Walaupun semua penutur boleh berfikir, yang lebih penting ialah penutur boleh menguasai KBAT, yang antara lain membolehkan penuturnya menilai maklumat pendapat secara kritis, membuat kesimpulan, inferens, dan generalisasi. Ia juga memberi kemahiran kepada penuturnya untuk membuat keputusan, menyelesaikan masalah, menghasilkan pendapat asli, mencipta, dan membuat pilihan. Penutur memerlukan kemahiran-kemahiran ini untuk hidup dan berjaya pada alaf baru ini. Kertas kerja ini akan membicarakan kemampuan bM dalam memberi KBAT kepada penuturnya. Pembicaraan akan menyentuh komponen-komponen bahasa: kemahiran mendengar; kemahiran bertutur; kemahiran membaca; kemahiran menulis; kesusasteraan; dan tatabahasa. Kertas kerja ini juga akan mengkaji ciri istimewa bM, termasuk pantun, simpulan bahasa dan peribahasa. Kesemua komponen dan ciri bM akan dikaji dalam konteks kemampuan bM membina KBAT penuturnya. Kertas kerja ini juga akan mencadangkan beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan untuk mengajar KBAT dengan berkesan kepada pelajar. Penghasilan kertas kerja ini berdasarkan data yang dikumpulkan melalui kajian pengajaran pembelajaran kemahiran berfikir aras tinggi melalui mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

---

Kertas Kerja ini dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Kedua, di Beijing, China, dari 8 hingga 15 Oktober 2002. Sila hantar komen kepada nsrajendran@upsi.edu.my

## Pengenalan

Mengajar kemahiran berfikir secara eksplisit adalah tuntutan semasa. Tuntutan semasa ini berbeza daripada kepercayaan sebelum ini bahawa mengajar mata pelajaran tradisional akan dengan sendirinya melahirkan generasi yang boleh berfikir dan bertindak. Implikasi yang dibawa oleh perubahan ini adalah insan yang dilahirkan dapat memahami, mengkaji, menganalisis, mencari penyelesaian bagi cabaran baru yang dihadapi, membuat pertimbangan ke atas pelbagai alternatif yang wujud dan membuat keputusan, dan mencadangkan alternatif lain. Apa yang dahulunya diajar hanya kepada pelajar terpilih kini telah mula diajar kepada semua pelajar secara eksplisit.

Kini, komponen mengajar kemahiran berfikir secara eksplisit telah mula mendapat tempat dalam kurikulum sekolah (Resnick, 1987). Harapannya, kemahiran berfikir, khususnya kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) diberi keutamaan lebih daripada kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dalam proses pengajaran pembelajaran. Ini boleh dan seharusnya dilakukan melalui proses pengajaran pembelajaran semua mata pelajaran. Sehubungan itu, pengajaran Bahasa Melayu (BM) juga diharapkan untuk menangani cabaran ini. Kertas kerja ini mengkaji kemampuan BM untuk menyumbang terhadap penguasaan KBAT oleh penuturnya dan juga kemampuan untuk menyediakan wacana untuk penuturnya menguasai KBAT ini.

### Perkaitan Di antara Pengajaran Bahasa dan Perkembangan Kemahiran Berfikir

Kebolehan berbahasa dan berfikir seseorang individu saling membantu (Block, 1993). Kedua-duanya menyokong proses pengajaran pembelajaran yang bermakna. Kuantiti dan kualiti pemikiran pelajar boleh dipertingkatkan dengan membolehkan pelajar menggunakan bahasa dengan berkesan (Rajendran, 2001a; 2001b). Pemikiran yang sementara dan mentah boleh berubah menjadi prinsip-prinsip dan skema yang kekal melalui proses penggunaan komponen bahasa: mendengar; bertutur; membaca; dan menulis (Rajendran, 2000).

### Kemahiran Berfikir Aras Rendah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Boleh dikatakan kesemua aktiviti pengajaran pembelajaran di dalam bilik darjah mempunyai unsur-unsur kemahiran berfikir. Tidak boleh dinafikan bahawa pelajar menguasai kemahiran berfikir hasil daripada pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sekolah. Walau bagaimanapun, perhatian yang diberi kepada pengajaran kemahiran berfikir kini menuntut supaya selain daripada pengajaran kandungan mata pelajaran pengajaran kemahiran berfikir juga diberi penekanan. Cadangan yang dikemukakan adalah supaya kemahiran

berfikir diajar secara eksplisit dan bukan hanya diterima sebagai hasil tidak langsung daripada pengajaran pembelajaran mata pelajaran sekolah.

Oleh kerana, pada umumnya kebanyakan wacana di dalam kelas adalah di aras rendah, guru haruslah berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa wacana di dalam kelas ke aras tinggi untuk membolehkan pelajar menguasai KBAT. Taksonomi KBAT dan KBAR (Rajendran, 1998) dalam Jadual I di bawah boleh membantu guru BM merancang dan mengendalikan aktiviti pengajaran pembelajaran di dalam bilik darjah.

Jadual I: Taksonomi KBAT dan KBAR

Taksonomi Bloom	KBAT dan KBAR	Keterangan
Pengetahuan Kefahaman	Kemahiran Berfikir Aras Rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan potensi minda yang terhad</li> <li>• Aplikasi rutin dan mekanistik.</li> <li>• Operasi berulang seperti menyenaraikan maklumat yang pernah dipelajari sebelum, mengaplikasikan peraturan prosedur, dan aktiviti mental rutin dan algoritmik yang lain.</li> <li>• Ia memerlukan pelajar untuk menghuraikan, membanding-bezakan, menyingkatkan, menghubungkan, mengaplikasi dan menyelesaikan sesuatu masalah.</li> </ul>
Aplikasi Analisis Sintesis Penilaian	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan potensi minda untuk menangani cabaran baru.</li> <li>• Seseorang perlulah memahami, menterjemah, menganalisis, dan memanipulasikan maklumat.</li> <li>• Memerlukan pelajar menilai maklumat secara kritis, membuat inferens, dan membuat generalisasi.</li> <li>• Pelajar menghasilkan komunikasi asli, membuat ramalan, mencadangkan penyelesaian, mencipta, menyelesaikan masalah berkaitan kehidupan seharian, menilai idea, melahirkan pendapat, membuat pilihan dan membuat keputusan.</li> </ul>

**KBAT ditakrifkan sebagai penggunaan potensi minda untuk menangani cabaran baru (Onosko dan Newmann, 1994). Dalam situasi ini seseorang perlulah memahami, menterjemah, menganalisis, dan memanipulasikan maklumat. Ini adalah penting kerana sesuatu persoalan yang perlu dijawab atau masalah yang perlu diselesaikan tidak boleh diselesaikan menggunakan pendekatan rutin. KBAT juga memerlukan pelajar menilai maklumat secara kritis, membuat inferens, dan membuat**

generalisasi. Mereka juga akan menghasilkan komunikasi asli, membuat ramalan, mencadangkan penyelesaian, mencipta, menyelesaikan masalah berkaitan kehidupan seharian, menilai idea, melahirkan pendapat, membuat pilihan dan membuat keputusan.

Manakala, KBAR pula ditakrifkan sebagai penggunaan potensi minda yang terhad yang berfokus kepada aplikasi rutin dan mekanistik. Proses KBAR selalunya melibatkan operasi berulang seperti menyenaraikan maklumat yang pernah dipelajari sebelum ini, mengaplikasikan peraturan dan prosedur, dan aktiviti mental rutin dan algoritmik yang lain. Ia memerlukan pelajar untuk menghuraikan, membanding-bezakan, menyingkatkan, menghubungkan, mengapikasi dan menyelesaikan sesuatu masalah.

### **Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Pembelajaran Bahasa Melayu**

Kesemua komponen, termasuk kemahiran asas, dalam BM menawarkan peluang kepada guru untuk menyebatkan KBAT dalam pengajaran pembelajaran. Kemahiran asas bahasa ialah mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Komponen tambahan ialah tatabahasa dan kesusasteraan. Guru BM boleh dan seharusnya membawa wacana di dalam kelas ke aras yang tinggi dengan menyebatkan KBAT dalam proses pengajaran pembelajaran kesemua komponen bahasa. Walau bagaimanapun, proses pengajaran pembelajaran di dalam kelas haruslah dikendalikan dengan cara yang bersahaja supaya tidak nampak 'artificial' dan terlalu mementingkan pengajaran pembelajaran KBAT.

#### **Mendengar dan Bertutur**

Cazden (1979) telah menunjukkan bahawa penggunaan kemahiran mendengar dan bertutur oleh guru dan pelajar mewujudkan suasana bilik darjah yang mungkin menyokong atau menghalang perkembangan beberapa jenis kemahiran berfikir. Memberi kiu dan menyoal adalah dua strategi utama yang boleh digunakan oleh guru untuk menggalakkan penguasaan KBAT oleh pelajar. Memberi kiu melibatkan usaha guru menggunakan pengajaran untuk memberi tanda isyarat kepada pelajar tanpa memberitahu sesuatu secara eksplisit. Ini bermakna guru memaklumkan jenis pembelajaran dan hasil pembelajaran dalam masa yang ditentukan. Kiu ini akan menggalakkan pelajar berfikir dan mentafsirkan jenis pembelajaran dan hasil yang disasarkan. Tambahan pula, semasa pelajar mempelajari kandungan baru, bentuk struktur itu dalam ingatan pelajar sangat dipengaruhi oleh cara guru membincangkan kandungan itu dengan pelajar di bilik darjah (Moore, 1977).

Teknik menyoal adalah satu lagi cara yang boleh digunakan oleh guru dalam komponen mendengar dan bertutur untuk menggalakkan

pelajar menguasai KBAT. Redfield dan Rousseau (1981) mendakwa bahawa penggunaan soalan aras tinggi oleh guru menggalakkan penguasaan KBAT oleh pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat perkara lain berhubung penysoalan yang harus diberi perhatian oleh guru di dalam kelas. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah tempoh menunggu, pola penysoalan oleh guru dan pelajar, dan pola respons yang diberi dan diterima.

Tobin (1986) mengakui tempoh menunggu yang cukup selepas mengemukakan soalan adalah kriteria penting untuk menggalakkan penguasaan KBAT oleh pelajar. Selain ini didapati pola penysoalan pada kesuluruhannya di dalam kelas adalah guru kepada pelajar (Rajendran, 1998). Pola penysoalan pelajar kepada guru dan pelajar kepada pelajar juga harus digalakkan. Pola penysoalan dan menerima respons yang sering didapati di bilik darjah ialah 'penysoalan-respons-penilaian' (*initiation-response-evaluation*). Pola ini tidak memberi ruang kepada pelajar memanipulasikan respons yang diterima baik daripada guru mahupun pelajar, lebih-lebih lagi jika mereka tidak bersetuju dengan sesuatu respons.

## **Membaca**

Guru juga boleh menggunakan pengajaran kemahiran membaca untuk menggalakkan pelajar supaya mereka menguasai KBAT. Satu daripada caranya ialah teknik 'reciprocal teaching' yang diperkenalkan oleh Palinscar dan Brown (1984). Teknik ini menggunakan satu proses koperatif antara guru dan pelajar dalam mengemukakan soalan dan mendapatkan respons dengan tujuan menunjukkan ciri metakognitif dalam proses membaca. Ini bermakna proses metakognitif boleh digunakan sebelum, semasa dan selepas membaca.

Selain dari ini, guru harus juga menekankan tradisi literasi tinggi pada keseluruhan proses mengajar membaca. Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif akan ditekankan dalam proses membaca dan memahami teks. Pelajar nescaya akan memainkan peranan yang aktif dalam proses pengajaran pembelajaran. Pelajar juga akan menghasilkan karya kreatif dan asli dalam bentuk karangan, drama dan sajak. Proses ini akan memerlukan pelajar mencipta, menyusun, mengatur stail, mensintesis, mempersembah, dan mengaitkan karya mereka dengan beberapa keperluan. Secara tidak langsung, aktiviti-aktiviti ini membantu pelajar menguasai KBAT.

## **Menulis**

Antara kemahiran asas bahasa, kemahiran menulis mungkin menawarkan peluang terbesar kepada guru untuk menggalakkan pelajar

menguasai KBAT. Proses menggubah dan mengolah merupakan satu aktiviti kognitif yang sangat kompleks. Aktiviti yang sangat kompleks ini memang membawa cabaran KBAT kepada para pelajar. Mengikut Nickerson (1984), 'writing is viewed not only as a medium of thought but also as a vehicle for developing it'.

Guru harus melihat dan menggunakan usaha menulis dan menghasilkan satu hasil sebagai satu 'projek' yang mempunyai pelbagai fasa. Keseluruhan projek ini mempunyai proses berulang-ulang yang mengandungi tugas-tugas merancang, menterjemah, menilai semula, memurni dan mengemas kini karya. Dalam setiap fasa pelajar menimbang semula keputusan yang dibuat oleh mereka buat sebelum itu. Situasi ini juga menggalakkan pelajar menggunakan kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam proses menghasilkan karya ini.

### Tatabahasa

Guru BM juga boleh menggunakan pengajaran tatabahasa untuk pelajar menguasai KBAT. Guru seharusnya menyedari hakikat bahawa komponen tatabahasa juga menawarkan peluang yang begitu banyak untuk menyebatkan KBAT dalam pengajaran pembelajaran. Ini bermakna tatabahasa tidak boleh diajar supaya pelajar dikehendaki menghafal peraturan tatabahasa tanpa mengetahui sebab-sebabnya. Pelajar seharusnya menilai, memahami, dan membuat rumusan tentang sesuatu peraturan tatabahasa. Jika ini berlaku, pelajar akan memahami peraturan tatabahasa tersebut dan mereka akan mengaplikasikan peraturan tatabahasa dengan cara betul.

Sebagai contoh, seorang guru yang mengajar kata kerja transitif berpelengkap boleh mengajar secara deduktif bahawa 'kata kerja tak transitif berpelengkap ialah kata kerja yang mesti diikuti oleh pelengkap untuk menyempurnakan maksud ayat' (Nik Safiah, et al, 1997) dengan menggunakan contoh-contoh berikut seperti yang ditunjukkan dalam Jadual II.

Jadual II: Kata Kerja Tak Transitif Berpelengkap

Bil.	Ayat
1	Keadaan bapanya <i>beransur</i> baik.
2	Mereka tidak <i>berbuat</i> jahat.
3	Mereka <i>tinggal</i> di Kampung Paya.
4	Pengembara itu <i>berselimutkan</i> embun.
5	Dia <i>menjadi</i> guru.

(Sumber: Tatabahasa Dewan, 1997, m.s. 141)

Peraturan tatabahasa ini juga boleh diajar menggunakan pendekatan alternatif yang menawarkan peluang menguasai KBAT kepada pelajar. Pelajar boleh dibekalkan dengan contoh-contoh di atas (Jadual II) dan mereka secara individu ataupun dalam kumpulan membaca dan memahami

contoh-contoh tersebut. Seterusnya, mereka boleh dibimbing melihat pola yang terdapat dalam contoh di atas. Mereka harus mengenal pasti pola tersebut (mereka mengenal pasti kata kerja dan mengetahui bahawa terdapat pelengkap selepas kata kerja tersebut).

Seterusnya mereka haruslah menyiasat mengapa berlaku pola tersebut. Hasil daripada siasatan atau perbincangan mereka pada peringkat ini, mereka sudah seharusnya bersedia membuat rumusan bahawa 'kata kerja tak transitif berpelengkap ialah kata kerja yang mesti diikuti oleh pelengkap untuk menyempurnakan maksud ayat'. Bezanya ialah, berbanding dengan pengajaran deduktif, pendekatan alternatif ini memberi peluang kepada pelajar memainkan peranan yang aktif dan dengan sendiri membaca, memahami, menyiasat dan membuat rumusan. Pelajar secara langsung dibawa ke aras membuat penilaian dan mereka tentu lebih yakin dengan penggunaan peraturan tatabahasa ini seterusnya.

### Kesusasteraan

Seseorang guru BM semasa mengajar komponen kesusasteraan perlu peka terhadap keperluan memilih strategi dan aktiviti yang sesuai untuk membawa wacana dalam kelas ke aras tinggi (Rajendran, 2000; 1998). Wacana akan memastikan pengajaran pembelajaran di dalam kelas tidak sekadar membincangkan pelbagai aspek dalam genre sastera aras rendah. Malah perbincangan akan dibawa ke aras yang membolehkan pelajar menguasai pemikiran aras tinggi. Hampir kesemua aktiviti yang dikendalikan di dalam bilik darjah boleh dibawa ke aras tinggi jika guru berusaha memilih strategi dan aktiviti yang sesuai. Perkara yang perlu diberi perhatian adalah peranan pelajar yang aktif dan bermakna dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di bawah ini dicadangkan beberapa aktiviti yang boleh dilakukan mengikut aras kognitif yang berbeza.

**Jadual III : Aktiviti Pengajaran Pembelajaran KBAT**

Taksonomi Bloom	KBAT dan KBAR	Aktiviti Pengajaran Pembelajaran
Pengetahuan Kefahaman	Kemahiran Berfikir Aras Rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menamakan watak-watak yang memainkan peranan</li> <li>• Menyatakan sinopsis cerpen atau novel</li> <li>• Memberi maksud diksi</li> <li>• Menyatakan persoalan yang terkandung dalam sajak</li> </ul>
Aplikasi Analisis Sintesis Penilaian	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbandingan metafora, personifikasi dan simile</li> <li>• Membuat inferens tentang tindakan atau keputusan</li> <li>• Membuat penilaian tentang nilai yang dibawa dalam genre sastera</li> <li>• Mengaitkan tindakan dan</li> </ul>

		keputusan yang terdapat dengan kehidupan sendiri <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat generalisasi tentang tindakan</li> <li>• Mencadangkan penyelesaian terhadap masalah atau isu yang dihadapi</li> </ul>
--	--	---

(Sumber: Rajendran, 2000, m.s.9)

Jadual III di atas menunjukkan bahawa guru mempunyai pelbagai peluang untuk membawa wacana di dalam kelas ke aras tinggi. Guru dapat mengatur pelbagai aktiviti dengan menggunakan pelbagai genre sastera seperti yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kemahiran berfikir aras rendah sama sekali tidak penting. Apa yang perlu digalakkan ialah guru mengatur dan mengendalikan aktiviti pengajaran pembelajaran yang memberi peluang kepada para pelajar menguasai KBAT. Jadual IV di bawah menunjukkan bagaimana satu genre sastera, iaitu sajak 'Hadiah' karya Usman Awang (1960) boleh digunakan untuk mengajar KBAT.

**Jadual IV: Soalan Kefahaman Yang Menggalakkan KBAT**

Soalan	Proses Pemikiran
1. Apakah maksud penyajak seperti digambarkan dalam 'senyum dan tangisnya adalah kata hati, rekahan bunga di bawah sinar matahari pagi'?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menginterpretasi</li> <li>• Menilai pendapat</li> </ul>
2. Adakah munasabah penyajak mengatakan 'kenapa kaubawakan senapang, kereta meriam dan kapal terbang perang, - meski sekadar barang mainan'? Mengapa?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengkaji pendapat secara kritis</li> <li>• Memberikan justifikasi</li> <li>• Membuat keputusan</li> </ul>
3. Bersetujukah anda dengan kenyataan bahawa 'kau mengajar anak-anak membunuh'?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai pendapat</li> <li>• Membuat pertimbangan</li> <li>• Membuat keputusan</li> </ul>
4. Sila beri ulasan anda terhadap pendapat penyajak bahawa 'Manakah milik dunia yang baik, ah, berikan padanya, ia bisa senyum jua meski sekadar sekerat pensel kayu cuma.'	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengkaji dan menghalusi pendapat atau maklumat</li> <li>• Melahirkan pendapat peribadi</li> <li>• Mengaitkan isu atau masalah dengan nilai yang dipegangnya</li> </ul>
5. Apakah cadangan anda untuk mengatasi masalah seperti yang digambarkan oleh penyajak?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat generalisasi</li> <li>• Membuat keputusan</li> <li>• Mencadangkan penyelesaian</li> </ul>

Jadual IV di atas menunjukkan bagaimana seseorang guru BM boleh menggunakan soalan kefahaman untuk mewujudkan amalan berdaya fikir di dalam kelas. Jika dikaji, soalan-soalan kefahaman ini mewakili KBAR dan KBAT. Tentu sekali lebih banyak soalan yang menggalakkan KBAT daripada KBAR. Selain ini, guru juga boleh menggunakan perbandingan metafora, personifikasi dan simile untuk menggalakkan pelajar menjalani aktiviti berdaya fikir.

### Simpulan bahasa, Perbandingan dan Bidalan.

Salah satu daripada kekuatan dan keistimewaan yang dimiliki oleh BM adalah komponen bahasa yang pelbagai seperti simpulan bahasa, perbandingan dan bidalan. Kesemua ini secara langsung dan tidak langsung menggalakkan kemahiran berfikir. Tanpa berfikir secara mendalam seseorang tidak dapat memahami makna dan seterusnya menggunakan bentuk bahasa tersebut dalam pengucapan dan penulisan.

Jadual V : Bentuk bahasa dan Proses Berfikir

Bentuk bahasa	Asal	Erti	Proses Berfikir Utama
<b>Simpulan Bahasa</b>	Arang di muka	Malu atau aib.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> </ul>
<b>Simpulan Bahasa</b>	Jejak langkah	Mengikut contoh yang dilakukan orang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbandingan</li> <li>• Menilai</li> </ul>
<b>Perumpamaan yang menyebut perbandingan</b>	Seperti api di dalam sekam	Perihal perbuatan jahat yang disembunyikan atau berlaku dalam diam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbandingan</li> <li>• Pertimbangan</li> <li>• Menilai</li> </ul>
<b>Perumpamaan yang menyebut perbandingan</b>	Seperti embun di hujung rumput	Sesuatu keadaan yang tidak tetap ataupun keadaan yang sementara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertimbangan</li> <li>• Menganalisis</li> </ul>
<b>Bidalan</b>	Rambut sama hitam hati lain-lain	Biarpun pada zahirnya cara hidup bersamaan, tetapi kemahuan dan fikiran seseorang itu adalah berlainan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbandingan</li> <li>• Menilai secara kritis</li> <li>• Membuat keputusan</li> </ul>
<b>Bidalan</b>	Indah khabar dari rupa	Apa yang berlaku tidaklah seindah apa yang diberitahu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbandingan</li> <li>• Menilai secara kritis</li> <li>• Membuat keputusan</li> </ul>

--	--	--	--

(Sumber Bentuk Bahasa – Asal - Erti:  
Awang Had Salleh & Abdul Razak Abu, 1982)

Jadual V di atas mengemukakan beberapa contoh bentuk bahasa, bentuk asal, erti dan kemahiran berfikir utama yang diperlukan untuk memahami erti dan seterusnya menggunakan bentuk bahasa tersebut. Jika dikaji proses berfikir utama yang diperlukan untuk memahami bentuk bahasa seperti yang tertera dalam lajur keempat, maka dapat disimpulkan bahawa hampir kesemua proses berfikir yang digunakan adalah kemahiran berfikir aras tinggi: menganalisis; membuat pertimbangan; menilai secara kritis; dan membuat keputusan. Ini bermakna simpulan bahasa, perbandingan dan bidalan memberi peluang secara langsung untuk penutur menguasai kemahiran berfikir aras tinggi.

#### **Strategi Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Penguasaan Bahasa Melayu**

Perbincangan di atas telah menunjukkan bagaimana seseorang guru BM boleh menggunakan komponen asas bahasa untuk menyebatkan KBAT dengan berkesan. Kesemua komponen asas bahasa menawarkan peluang untuk tujuan ini. Guru sebenarnya boleh memilih satu *repertoire* pendekatan, kaedah dan teknik mengikut keperluan dan kesesuaian. Strategi atau kaedah mana yang dipilih adalah hak seseorang guru memandangkan pemilihan strategi atau kaedah dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk keupayaan pelajar, mata pelajaran, kemahiran yang hendak diajar dan minat guru dan pelajar.

Maka di bawah diberikan satu repertoire strategi atau atau teknik yang boleh digunakan oleh guru BM untuk meningkatkan pengajaran pembelajaran KBAT melalui pengajaran pembelajaran BM. Bagi kesemua kaedah, strategi atau teknik yang dicadangkan terdapat kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah, strategi dan teknik dalam pengajaran pembelajaran telah membantu pelajar menguasai KBAT dan juga meningkatkan prestasi akademik mereka (Rajendran, 2002; 1998; Sternberg & Martin, 1988). Antara kaedah atau teknik yang dimaksudkan ialah:

- Kaedah Penyelesaian Masalah
- Kaedah Membuat Keputusan
- Soalan terbuka (*open-ended questions*)
- Soalan Aras Tinggi.
- Perbincangan dalam kumpulan
- Metakognisi
- Mengalih semula(*redirect*)/ menyiasat (*probing*)/ memperkukuhkan (*reinforcement*)
- Masa menunggu yang secukupnya selepas menyoal

## Kesimpulan

Perkembangan bahasa dan kebolehan berfikir seseorang mempunyai perkaitan yang rapat. Kedua-duanya saling membantu. BM dengan komponen, struktur dan keistimewaannya tersendiri memang mampu memenuhi fungsinya menyumbang ke arah penguasaan KBAT oleh penuturnya. Ini bermakna usaha menguasai pelbagai aspek bM itu secara langsung dan tidak langsung menggalakkan penguasaan KBAT oleh penggunaanya. Walau bagaimanapun, demi memastikan pengguna bM benar-benar mendapat peluang dan menguasai KBAT, terdapat usaha yang perlu diambil secara eksplisit, sistematik dan berterusan. Pendidik bahasa harus lebih teliti dalam merancang dan mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran di mana diwujudkan wacana yang menyokong penguasaan KBAT oleh pelajarnya. Ini adalah untuk memastikan bahawa pengguna bM, seperti penutur bahasa lain, mendapat manfaat sepenuhnya yang ditawarkan oleh bM. Ini tidak lagi menjadi satu pilihan, malah satu tuntutan semasa.

## Rujukan:

- Awang Had Salleh & Abdul Razak Abu. (1982). *Teman pelajar Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Block, C. C. (1993). *Teaching the language arts: Expanding thinking through student-centered instruction*. Boston: Allyn and Bacon
- Cazden, C.B. (1979). Language in education: Variation in the teacher-talk register. In J. Alatis & R. Rucker (Eds.) *Language in public life*. (pp.120-147) Washington, DC:Gergertown Unversity Round Table in Language and Linguistics.
- Moore, C.A. (1977). Verbal teaching patterns under simulated teaching conditions. In R. O. Freedle (Ed.) *Discourse production in comprehension*. (Vol.1) (pp.271-305) Norwood, NJ: Ablex Publishing Co.
- Nickerson, R.S. (1984). Kinds of thinking taught in current programs. *Educational Leadership*, 42.pp.26-37.
- Nik Safiah Karim, et al. (1997). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Onosko, J. J. & Newmann, F. M. (1994). Creating more thoughtful learning environments, In J.N.Mangieri & C.C. Block (Eds.). *Creating powerful thinking in teachers and students: Diverse perspectives*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.

- Palinscar, A.S. & Brown, A.L. (1984) Reciprocal teaching of comprehension-fostering and comprehension-monitoring activities. *Cognition and Instruction*, 1, 117-175.
- Rajendran, Nagappan. (2002). Using constructivist approach to teach higher-order thinking skills: Transforming teaching practice to facilitate mindful learning. Paper presented at the 10<sup>th</sup> International Conference on Thinking, Harrogate, England.
- Rajendran, Nagappan. (2001a). Language teaching and the enhancement of higher-order thinking skills. In Renandya, W. & Sunga, N. R. (Eds.). *Language curriculum and instruction in multicultural societies*. Singapore: SEAMEO Regional Language Centre.
- Rajendran, Nagappan. (2001b). *Amalan Berdaya Fikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Pendidikan Bahasa Melayu Ke-10 anjuran Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur.
- Rajendran, Nagappan. (2000) Kesusasteraan sebagai wahana mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan Dalam Pendidikan 2000*, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rajendran, Nagappan. (1998) *Teaching higher-order thinking skills in language classrooms: The need for transformation of teaching practice*. Unpublished doctoral dissertation, Michigan State University, East Lansing, MI: Michigan State University.
- Redfield, D. L. & Rousseau, E. W. (1981). A meta-analysis of experimental research on teacher questioning behavior. *Review of Educational Research*. 51, pp.237-245.
- Resnick, L. B. (1987). *Education and learning to think*. Washington, DC: National Academy Press.
- Sternberg, R. & Martin, M. (1988). When teaching thinking does not work, what goes wrong?, *Teachers College Record*, Vol.89., N.4.
- Tobin, K. (1986). Effects of teacher wait time on discourse characteristics in mathematics and language arts classes. *American Educational Research Journal*, 23, 191-200.

**Nsr/190702**